

**Pindaan Arahkan Perbendaharaan (Pindaan 2023)
Bagi Arahkan Perbendaharaan (AP) 101**

No. AP	Tajuk	Perincian AP	Tarikh Kuatkuasa
AP 101	Penetapan Kuasa Memperaku Dan Menandatangani Baucar	Penetapan Kuasa Memperaku Dan Menandatangani Baucar (a) Pegawai Pengawal atau Pemegang Waran Peruntukan boleh membuat penetapan kuasa secara bertulis kepada mana-mana Pegawai Perakaunan di bawah kawalan pentadbirannya bagi memperaku baucar. Penetapan kuasa itu yang mengandungi nama pegawai yang diberi kuasa berserta contoh tandatangannya hendaklah dihantar kepada Pegawai Pembayar yang bertanggungjawab di Pejabat Perakaunan. Dalam persekitaran elektronik, nama pegawai yang diberi kuasa bagi capaian sistem hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Perakaunan untuk mendapatkan kata pengenalan dan kata laluan dan/atau tandatangan digital. Walau bagaimanapun, Pegawai Pengawal masih bertanggungjawab kepada apa-	17 Julai 2024

		apa tindakan yang dibuat oleh pegawai yang diberi kuasa tersebut. (b) Penetapan kuasa bagi memperaku baucar seperti dalam AP 101(a) yang menggunakan automasi pintar hendaklah mematuhi peraturan yang berkuat kuasa.	
--	--	--	--